



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA		
TARIKH	:	7/10/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	: 36
JABATAN	:	TNB		

Kukuhkan kewangan TNB, beri pulangan setimpal

UM,7 Okt 2021_36

Oleh SHAFIQAH SHUKOR
shafiqah.shukor@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan terus menyeimbangkan kepentingan industri dan peranannya sebagai syarikat tersenarai dengan memberikan pulangan setimpal kepada rakyat menerusi syarikat pelaburan milik kerajaan (GLIC).


Pengerusinya, Datuk Seri Hasan Arifin berkata, TNB berupaya memberikan pulangan dividen yang adil dan berpatutan kepada para pelabur termasuk GLIC seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Khazanah Nasional Berhad.

"Kita bertanggungjawab kepada para pemegang saham, lebih-lebih lagi kepada institusi pelabur yang pulangan kepada mereka akhirnya dinikmati oleh rakyat.

"Bagi 2018 hingga 2020, TNB telah membayar dividen berjumlah RM9.9 billion kepada para pemegang sahamnya dan RM7 billion lagi kepada GLIC. Itu satu jumlah besar dan besar manfaatnya kepada rakyat," katanya dalam pertemuan pertamanya dengan barisan penguurusan tertinggi TNB, semalam.

Hasan dilantik menjadi pengerusi TNB pada 1 Oktober lalu menggantikan Datuk Seri Mahdzir Khalid yang dilantik Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Dalam pertemuan tersebut, beliau diberikan taklimat oleh



HASAN (kiri) mendengar taklimat daripada Baharin ketika meghadiri mesyuarat khas bersama pengurusan tertinggi TNB. - ihsan TNB

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din mengenai prestasi TNB merangkumi pencapaian sepanjang lebih 72 tahun, pelaksanaan aspirasi *Reimagining* TNB, Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), komitmen hala tuju kelestarian dan cabaran pandemik serta cabaran-cabaran baru masa depan.

Hasan berpuas hati dengan peranan dan sumbangan TNB terhadap pembangunan negara serta yakin kecemerlangan itu mampu diteruskan dengan Malaysia kini mempunyai infrastruktur bertaraf dunia hasil daripada pelaburan modal sistem perbekalan elektrik yang

berterusan.

Menurut beliau, pada masa yang sama, TNB juga akan terus mendukung pertumbuhan dan usaha pemulihan ekonomi negara menerusi perbekalan elektrik berdaya harap, mencorak semula ekonomi melalui inisiatif transformasi industri tenaga dan membantu golongan sasaran yang memerlukan.

"Dalam senario ekonomi Malaysia yang masih dalam fasa pemulihan daripada cabaran wabak Covid-19, TNB perlu teguh dari segi kewangan bagi meneruskan usaha ini.

"Saya dimaklumkan TNB merupakan antara pihak swasta terawal tampil membantu



HASAN ARIFIN

kerajaan menangani pandemik Covid-19 dan menyumbang sejumlah RM21 billion pada 2018 hingga 2020 kepada ekonomi dalam pelbagai bentuk termasuk dividen, kontrak kepada vendor, cukai, zakat, CSR dan bantuan Covid-19," katanya.